



# KRISA

## PANDUAN KEJURUTERAAN SISTEM APLIKASI SEKTOR AWAM

BAHAGIAN  
**BPI** PERUNDINGAN  
ICT

# PENGUJIAN SISTEM APLIKASI: PROSEDUR DAN AMALAN TERBAIK

TAKUMAT

01



ALL CODE IS  
**GUILTY**  
UNTIL PROVEN INNOCENT



## PENGENALAN PENGUJIAN SISTEM

- Penentu keyakinan bahawa sistem yang dibangunkan telah diuji dan memenuhi keperluan bisnes dan keperluan pengguna yang ditetapkan.
- Perancangan aktiviti pengujian berdasarkan **tempoh, kos dan keperluan sumber**, agar sistem yang dibangunkan mencapai tahap kualiti yang ditetapkan.
- Hasil keputusan ujian menjadi pertimbangan bagi pemegang taruh dalam memutuskan pelaksanaan sistem.
- Terdiri daripada 3 aktiviti pengujian utama iaitu:

**Fasa Pembangunan:**  
**Ujian Sistem**

**Fasa Pengujian Penerimaan:**  
**UAT dan PAT**

**Fasa Pelaksanaan:**  
**FAT**



## KEPENTINGAN PENGUJIAN

### OBJEKTIF PENGUJIAN

*Finding Defects*

*Preventing Defects*

*Gaining confidence about the Quality Level*

*Providing Information for Decision Making*

### WHY DOES SOFTWARE HAVE 'BUGS' ?

Miscommunication or no communication on application's requirements

Software complexity

Programming errors

Poorly documented code

Changing requirements

Time pressure

People's egos


Software development tools



5



## V MODEL



### Jenis-Jenis Pengujian Verifikasi & Validasi



FASA

PERMULAAN


ANALISA

REKABENTUK

PEMBANGUNAN

PENGUJIAN


PELAKSANAAN





## FAKTOR PENENTU KEJAYAAN

- Dokumentasi** Spesifikasi Keperluan Bisnes, Spesifikasi Keperluan Sistem dan Spesifikasi Reka bentuk Sistem adalah **lengkap dan telah dipersetujui oleh Pasukan Projek**.
- Setiap peringkat pengujian** iaitu Ujian Sistem, Ujian Penerimaan Pengguna dan Ujian Penerimaan Akhir telah dijalankan dengan sempurna dan **memenuhi Entry Criteria dan Exit Criteria yang ditetapkan**.
- Pengurus/Ketua Ujian berpengalaman serta berkelayakan** dalam merancang dan mengendalikan ujian.
- Persediaan terperinci** bagi pelaksanaan pengujian seperti jadual pelaksanaan ujian, skrip ujian, kehadiran penguji serta kesediaan persekitaran pengujian.
- Komitmen daripada semua peringkat pemegang taruh semasa pengujian dilaksanakan**.



cartoontester.blogspot.com © 2013

## PROSES PENGUJIAN



Rujukan:

ISTQB® Certified Tester Advanced Level Syllabus Test Analyst Version 2019




## PENYEDIAAN PELAN PENGUJIAN




- Merupakan **pelan utama** yang perlu disediakan sebagai **rujukan perancangan dan pengurusan aktiviti pengujian sistem** secara menyeluruh.
- Berdasarkan ISO/IEC/IEEE 29119-3 **Software and systems engineering — Software testing — Part 3: Test documentation**
- Merupakan **“Living document”**




## PENYEDIAAN PELAN PENGUJIAN



## PENYEDIAAN PELAN INDUK PENGUJIAN



- 01 Maklumat spesifik dokumen
- 02 Pengenalan projek
- 03 Konteks ujian
- 04 Kaedah komunikasi semasa pengujian
- 05 Daftar risiko (risk register) pengujian
- 06 Strategi ujian
- 07 Jadual aktiviti pengujian
- 08 Struktur pasukan pengujian





## PRODUK KUALITI MODEL

### b) Skop ujian

Skop ujian bertujuan untuk menetapkan perimeter ujian yang akan dilaksanakan bagi tempoh dan keperluan sumber tertentu. Skop ujian yang dipilih adalah berdasarkan Model Kualiti Produk di dalam ISO/IEC 25010:2011 - *System and software quality models*






## ENTRY DAN EXIT CRITERIA

<b>Entry Criteria</b>	Merujuk kepada dokumen, status/ aktiviti serta tahap pencapaian atau pengukuran yang menjadi pra-syarat untuk melaksanakan sesuatu peringkat pengujian
<b>Aktor</b>	Individu/kumpulan yang terlibat dengan sesuatu ujian
<b>Aktiviti</b>	Aktiviti yang perlu dijalankan semasa ujian
<b>Exit Criteria</b>	Merujuk kepada dokumen, status/ aktiviti serta tahap pencapaian atau pengukuran yang menjadi syarat untuk menamatkan sesuatu peringkat pengujian



## TEKNIK UJIAN



Rujukan:

ISTQB® Certified Tester Foundation Level Syllabus Version 2018 V3.1



## DOKUMEN PERSEDIAN UJIAN

- Menyediakan **dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat terperinci bagi memulakan aktiviti-aktiviti pengujian** yang dirancang di dalam Pelan Induk Pengujian dan merupakan lampiran bagi Pelan Ujian UAT dan PAT.
- Bertujuan memastikan **skop pengujian menepati Spesifikasi Keperluan Sistem aplikasi dan pelaksanaan ujian secara sistematik, teratur dan menyeluruh**.
- Dokumen yang terlibat:
  - ✓ **Traceability Matrix**
  - ✓ **Spesifikasi Rekabentuk Ujian**
  - ✓ **Spesifikasi Kes Ujian**
  - ✓ **Prosedur Ujian/Skip Ujian**



Bugs.. If you don't kill them.. They'll kill you!





## UJIAN SISTEM

PENGUJIAN  
SISTEM

- Merupakan **aktiviti Verifikasi** yang dilakukan terhadap komponen atau sistem (*test object*) untuk memastikan ia dibangunkan berdasarkan kepada **spesifikasi keperluan dan reka bentuk sistem**
- Semasa pengujian ini dilaksanakan, **ralat yang dikesan** akan diperbetulkan dan unit/komponen/modul yang berkaitan akan **diuji semula** sehingga ralat **berjaya diperbaiki**
- Jenis-jenis pengujian yang dijalankan adalah **pengujian keperluan fungsian**, **pengujian keperluan bukan fungsian (kualiti)** serta **verifikasi terhadap ralat yang telah dibaiki**
- Dilaksanakan oleh **Pasukan Pembangun Sistem**, dalam **Persekutaran Pengujian Development**, semasa **Fasa Pembangunan**
- Rujukan kepada **ISO/IEEE/IEC 29119 Part 1 – Part 4, ISO ISO/IEEE/IEC 25010:2011**



## LANGKAH-LANGKAH PENGUJIAN





## LANGKAH-LANGKAH PENGUJIAN

✓ **Module Interface Test:**

Untuk menguji maklumat yang masuk dan keluar daripada modul;

✓ **Local Data Structures:**

Struktur data tempatan diperiksa untuk memastikan data yang disimpan secara sementara dapat mengekalkan integritinya semasa pelaksanaan algoritma.

✓ **Boundary Conditions:**

Untuk memastikan modul beroperasi dengan betul di sempadan yang ditetapkan.

✓ **Independent Paths:**

Untuk menguji semua *Independent paths* yang melalui struktur kawalan bagi memastikan bahawa semua kenyataan dalam modul telah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali.

✓ **Error Handling Paths:**

Untuk memastikan ralat ditangani dengan betul dan *error handling paths* yang dikenalpasti dapat digunakan selepas melepas beberapa siri ujian.



## HASIL SERAHAN



- ✓ **Sebagai pengesahan aktiviti Pengujian Sistem** telah dilaksanakan sepenuhnya.
- ✓ Menentukan **tahap kesediaan sistem**
- ✓ Merupakan **Entry Criteria kepada Ujian Penerimaan Pengguna**



## PENGUJIAN PENERIMAAN



PENGUJIAN  
PENERIMAAN

- Pengujian penerimaan sistem aplikasi merupakan **penentu keyakinan bahawa sistem yang dibangunkan telah memenuhi keperluan bisnes** yang ditetapkan dan akan menjadi pertimbangan bagi pemegang taruh dalam memutuskan pelaksanaan sistem.
- Pengujian penerimaan perlu melibatkan pengguna sistem termasuk **SME, Pemilik Proses dan Pengguna Akhir**.
- Dilaksanakan dalam **Persekitaran Pengujian Staging bagi UAT** dan **Production bagi PAT**
- Rujukan **kepada ISO/IEEE/IEC 29119 Part 1 – Part 4, ISO ISO/IEEE/IEC 25010:2011**



## LANGKAH-LANGKAH PENGUJIAN

**Ujian Penerimaan  
Pengguna (UAT)**

Pengujian Fungsian



**Ujian Penerimaan  
Provisional (PAT)**

Pengujian Fungsian dan  
Pengujian Bukan Fungsian



## UJIAN PENERIMAAN PENGGUNA (UAT)



### OBJEKTIF UAT

- ✓ Mengesahkan bahawa sistem yang telah dibangunkan memenuhi keperluan fungsian yang telah dietapkan oleh pengguna
- ✓ Mengesahkan bahawa sistem bebas daripada ralat kritikal yang boleh menjaskannya operasi sistem
- ✓ Mendapatkan keyakinan pengguna untuk menggunakan sistem di dalam persekitaran sebenar

### PENGLIBATAN PEMEGANG TARUH

- ✓ *Subject Matter Expert (SME)*
- ✓ Pasukan Projek
- ✓ Pengguna Sistem
- ✓ Pasukan Operasi



## UJIAN PENERIMAAN PENGGUNA (UAT)

### LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN

#### 1. Menentukan *Entry Criteria* dan *Exit Criteria*

*Entry Criteria* dan *Exit Criteria* UAT perlu ditetapkan dan dipersetujui terlebih dahulu di antara pembangun sistem, pasukan penguji, pemilik sistem dan pemegang taruh yang berkenaan.

#### 1. Melaksanakan ujian

Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan semasa UAT:

- i) Melaksanakan pengujian terhadap *System Under Test (SUT)* pada persekitaran *Staging*
- ii) Melaksanakan pengujian menggunakan skrip ujian yang telah dipersetujui
- iii) Melaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) UAT lengkap.
- iv) Melaksanakan aktiviti pengurusan ralat
- v) Menyediakan log bagi hasil pengujian
- vi) Menyemak hasil ujian dengan *Exit Criteria* yang ditetapkan

#### 1. Menyediakan Laporan Ujian Penerimaan Pengguna (UAT)

Menyediakan laporan UAT apabila pengujian selesai dilaksanakan berdasarkan format **D14 - Laporan Ujian Penerimaan Pengguna (UAT)**

### CONTOH ENTRY CRITERIA

- Laporan Ujian Sistem telah diterima dan disahkan oleh Pasukan Projek
- Pelan Induk Pengujian/Pelan Ujian UAT telah disahkan oleh Pasukan Projek
- Dokumen persediaan ujian telah disemak dan diterima oleh Pasukan Projek
- Persekutuan ujian bagi *staging* telah disediakan

### CONTOH EXIT CRITERIA

- Semua kes ujian telah diuji
- 95% kes ujian telah lulus dengan tiada ralat tahap Tinggi
- Semua ralat tahap Sederhana dan Rendah telah diperbaiki, diuji semula dan kes ujian ditutup
- Laporan UAT telah diserahkan dan disahkan oleh pemilik projek



## UJIAN PENERIMAAN PROVISIONAL (PAT)



### OBJEKTIF PAT

- ✓ Memastikan bahawa sistem yang telah dibangunkan memenuhi keperluan fungsian dan bukan fungsian yang telah ditetapkan oleh pengguna.
- ✓ Memastikan bahawa sistem bebas daripada ralat kritikal yang boleh menjaskan operasi sistem.
- ✓ Mendapatkan keyakinan pengguna untuk menggunakan sistem di dalam persekitaran sebenar.

### PENGLIBATAN PEMEGANG TARUH

- ✓ *Subject Matter Expert (SME)*
- ✓ Pasukan Projek
- ✓ Pengguna Sistem
- ✓ Pasukan Operasi



## UJIAN PENERIMAAN PROVISIONAL (PAT)

### LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN

1.	<b>Menentukan <i>Entry Criteria</i> dan <i>Exit Criteria</i></b>  <i>Entry Criteria</i> dan <i>Exit Criteria</i> PAT perlu ditetapkan dan dipersetujui terlebih dahulu di antara pembangun sistem, pasukan penguji, pemilik sistem dan pemegang taruh yang berkenaan.
1.	<b>Melaksanakan ujian</b>  Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan semasa PAT: <ul style="list-style-type: none"><li>i) Melaksanakan pengujian terhadap SUT pada persekitaran <i>Production</i></li><li>ii) Melaksanakan <i>smoke test</i> bagi pengujian keperluan fungsian</li><li>iii) Melaksanakan Ujian Keselamatan dan menyediakan laporan ujian</li><li>iv) Melaksanakan Ujian Prestasi yang terdiri daripada ujian beban dan ujian tekanan serta menyediakan laporan ujian</li><li>v) Melaksanakan ujian pilot berdasarkan perancangan yang telah ditetapkan</li><li>vi) Menyemak hasil ujian dengan <i>Exit Criteria</i> yang ditetapkan</li></ul>
1.	<b>Menyediakan Laporan Ujian Penerimaan Provisional (PAT)</b>  Menyediakan laporan PAT apabila pengujian selesai dilaksanakan berdasarkan format <b>D14 - Laporan Ujian Penerimaan Provisional (PAT)</b>



## UJIAN PENERIMAAN PROVISIONAL (PAT)

### CONTOH ENTRY CRITERIA


- Laporan UAT telah diterima oleh Pasukan Projek
- Pelan Ujian Prestasi telah disahkan oleh Pasukan Projek
- Dokumen persediaan ujian telah disemak dan diterima oleh Pasukan Projek
- Persekitaran ujian bagi *production* telah disediakan
- Pelaksanaan pengujian *pilot* telah dipersetujui
- Ujian Keselamatan (*Security Test*) telah selesai dilaksanakan sebelum pelaksanaan Ujian Prestasi

### CONTOH EXIT CRITERIA

- Semua kes ujian tahap Tinggi bagi keperluan fungsian telah diuji
- 100% kes ujian bagi keperluan fungsian telah lulus
- Tiada kelemahan Tahap Tinggi dan Sederhana bagi Ujian Penembusan
- Bagi pengujian Prestasi:
  - Semua transaksi bisnes yang dipersetujui telah direkodkan dan diuji
  - Purata masa tindakbalas adalah sama atau kurang daripada masa tindakbalas yang telah ditetapkan dalam *Service Level Agreement* (SLA)
  - *Failure Rate* tidak melebihi 2%
  - *Server Utilization (CPU dan Memory)* adalah tidak melebihi 80%
- Laporan Ujian Keselamatan telah diterima oleh Pasukan Projek
- Laporan Ujian Prestasi telah diterima oleh Pasukan Projek



## HASIL SERAHAN



- ✓ **Sebagai pengesahan aktiviti Pengujian Penerimaan telah dilaksanakan sepenuhnya.**
- ✓ **Menentukan tahap kesediaan sistem untuk memasuki Fasa Pelaksanaan**
- ✓ **Merupakan *Entry Criteria* kepada Ujian Penerimaan Akhir**



## UJIAN PENERIMAAN AKHIR

PENGUJIAN  
PENERIMAAN  
AKHIR

- Merupakan tempoh yang agak kritikal kerana **pengujian dilaksanakan terhadap sistem yang telah Go Live**
- Aktiviti pengujian adalah berdasarkan **konsep pengujian di dalam persekitaran sebenar oleh pengguna sebenar (test the system robustly)**
- Tempoh yang ditetapkan hendaklah **mengambil kira penggunaan sistem oleh pengguna, saiz dan kompleksiti sistem** serta **aktiviti patching** oleh Pasukan Pembangun Sistem



## LANGKAH-LANGKAH PENGUJIAN

1. Pembangun sistem akan **memantau, membuat pembaikan terhadap ralat yang dilaporkan oleh pengguna, menyediakan dan mengemukakan laporan status FAT kepada pemilik projek** bagi tujuan **semakan dan penerimaan FAT**
2. Pasukan Operasi akan menyediakan **Help Desk** untuk memantau laporan masalah oleh pengguna semasa tempoh FAT dan **melaporkan kepada Pasukan Projek**
3. Semua **aktiviti patching** hendaklah dikendalikan secara bersistematis dan berkesan kerana ia melibatkan **versioning pada Sistem yang telah Go Live**



## HASIL SERAHAN

Buku Panduan Kejuruteraan Sistem Aplikasi Sektor Awam (KRISA) © BPI MAMPU, 2019

RUJUKAN :

D16  
LAPORAN PENAMATAN UJIAN®

NAMA SISTEM

(Sertakan nama modul di bawah nama sistem sekiranya dokumen disediakan secara berasingan bagi setiap modul di bawah sistem yang sama)

NAMA AGENSI	:	
NAMA AGENSI INDUK	:	
TARIKH DOKUMEN	:	
VERSI DOKUMEN	:	

1 | D16 Laporan Penamatan Ujian

A large watermark reading "MA-SAMA MAMPU TRANSFORMASI" is visible across the form.

- ✓ Laporan Penamatan Ujian mengandungi ringkasan hasil ujian yang dilaksanakan seperti berikut:
  - Maklumat spesifik dokumen**
  - Objektif Ujian**
  - Skop Ujian**
  - Butiran Ujian**
  - Keperluan Persekutaran**
  - Hasil Ujian**
  - Rumusan**
- ✓ Berdasarkan kepada **ISO/IEC 29119-3:2013: Software And Systems Engineering - Software Testing - Part 3: Test Documentation**.



## HASIL SERAHAN (Sambungan)

- Sijil Penerimaan Akhir atau *Final Acceptance Certificate (FAC)* akan **dikeluarkan oleh pemilik sistem kepada pembekal**.
- Sijil ini menunjukkan bahawa **pemilik telah bersetuju menerima sistem yang dibangunkan** dan diinstalasi di persekitaran produksi.
- Tarikh sijil FAC ini menandakan **tamatnya aktiviti pembangunan serta pengujian sistem** dan bermulanya Tempoh Jaminan (Warranty Period).

### (FINAL ACCEPTANCE CERTIFICATE – FAC)

Dengan ini disahkan *Document Management System (DMS)* telah diuji melalui sesi Ujian Penerimaan Akhir (FAT) dan didapati menepati spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan.

Dengan ini disahkan aplikasi DMS lulus Ujian Penerimaan Akhir (FAT), pada \_\_\_\_\_.

Pengesahan penerimaan :

1.	Nama dan Jawatan (Pemilik Sistem)	Tandatangan
2.	Nama dan Jawatan (Pembekal Sistem)	Tandatangan



**MAMPU**

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia

All information incorporated within this slide is created for  
Malaysian Administrative Management and Planning Unit (MAMPU),  
Prime Minister's Department, Malaysia.

All information is the property of MAMPU and any unauthorized  
reproduction is prohibited

**TERIMA  
KASIH**